



Pusat Perhubungan Pelanggan

Tel Hubungi **1 300 80 3030** pada kadar tempatan

Talian Utama +603 2268 3333

Emel customer@amassurance.com.my

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Marin Kargo

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Marin Kargo. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah produk insurans ini?

Produk ini akan memberikan perlindungan kepada barangan anda di atas kehilangan atau kerosakan ketika sedang diangkut dari satu destinasi ke destinasi yang lain dan barangan tersebut mestilah dimuatkan ke dalam sebarang jenis pengangkutan / kenderaan.

Insurans Kargo Marin meliputi pengangkutan Laut, Udara dan Darat termasuk Keretapi dan Pos.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Terdapat 3 perlindungan utama yang berbeza-beza: (Perlindungan-perindungan lain adalah berdasarkan jenis komoditi yang diinsuranskan)

Klausa Kargo Institut (A) 1.1.82/ 1.1.09 (ICC A)

• Ini adalah 'perlindungan risiko' yang meliputi semua, tetapi masih tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan di dalam klausa.

Klausa Kargo Institut (B) 1.1.82/1.1.09 (ICC B)

- Berbeza dengan ICC A, perlindungan yang disediakan dalam ICC B dinyatakan dengan jelas di dalam klausa. Beberapa perlindungan utama adalah kebakaran dan letupan, kapal tenggelam, terbalik
- Lanya mempunyai perlindungan yang lebih meluas daripada ICC C, dengan perlindungan tambahan seperti
 - Terjatuh dari kapal
 - Kerosakan disebabkan air Laut/Tasik/Sungai
 - Kerugian menyeluruh terhadap barangan ketika memunggah masuk atau keluar
 - Gempa bumi, letupan gunung berapi dan kilat

Klausa Kargo Institut (C) 1.1.82/1.1.09 (ICC (C))

• Serupa seperti ICC B, perlindungan ini disenaraikan dengan jelas di dalam klausa. Klausa ini memberi perlindungan yang paling sedikit

Anda turut boleh meluaskan perlindungan untuk meliputi

- Risiko Peperangan (Perlindungan untuk peperangan adalah ketika perjalanan di lautan atau air sahaja. Jika barangan yang diinsuranskan berada di darat, perlindungan untuk risiko peperangan tidak disediakan)
- Risiko Tunjuk Perasaan

Tempoh perlindungan adalah ketika tempoh transit/pengangkutan, biasanya dari gudang/perkarangan pembekal/perkarangan pembeli. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan kenyataan polisi bagi memahami perlindungan ini dengan lebih jelas.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium adalah berbeza-beza bergantung kepada pelbagai faktor. Berikut adalah ciri-ciri utama dalam menentukan jumlah premium

- Nilai barangan
- Jenis pengangkutan/kenderaan yang digunakan, iaitu kapal terbang, kapal laut (jenis kapal laut)
- Perjalanan tersebut, iaitu dari man ke mana
- Bagaimana barangan tersebut dibungkus, iaitu tidak tertutup, di dalam bekas
- Keperluan perlindungan – lebih luas liputan perlindungan, lebih tinggi premium

Jumlah Premium = Nilai Diinsuranskan x Kadar Digunapakai.

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan (hanya digunapakai untuk penghantaran di dalam Malaysia)	6% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	15% daripada premium

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

Kepentingan membuat Pendedahan

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penajaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Anda harus memastikan yang borang cadangan dilengkapi dengan tepat kerana ianya merupakan asas kepada kontrak insurans.

6. Apakah merupakan pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Perilaku tidak sopan oleh yang diinsuranskan
- Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh sifat semulajadi barangan
- Kerugian/kerosakan yang dijangka berlaku seperti kerosakan akibat penggunaan biasa, berat yang berkurangan
- Ketidakhajiran pekerja atau pembantu Yang Diinsuranskan

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Disebabkan sifat risiko ini, sebaik sahaja risiko bermula, pembatalan tidak boleh dilakukan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan pada maklumat terperinci saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmGeneral Insurance Berhad

Menara Shell,

No. 211, Jalan Tun Sambanthan,

50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Talian Bebas : 1-300-80-3030

E-mel : customer@amassurance.com.my

Laman Web : www.amassurance.com.my

10. Lain-lain perlindungan sejenis yang ada

Polisi Barangan Ketika Dalam Transit

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 01 September 2018.